



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Sinar Harian - SST: Lokman Ajak Guan Eng, Tony Pua Debat

Sinar Harian - SST: Lokman Ajak Guan Eng, Tony Pua Debat

🕒 Jumaat, Okt 19 2018



SST: Lokman ajak Guan Eng, Tony Pua debat

SH 19/10/18

KUALA LUMPUR - Presiden Pemantau Malaysia Baharu, Datuk Lokman Noor Adam mengajak Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Damansara, Tony Pua berdebat isu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Lokman yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno turut mencadangkan tajuk debat 'SST lebih baik dari GST'.

Menurutnya, beliau memilih tajuk itu bagi memberikan peluang kepada kerajaan baharu membuktikan SST mampu memberikan manfaat



Lokman mahu kerajaan PH buktikan SST lebih baik daripada GST.

kepada rakyat dan hasil negara.

"Sebanyak 165 negara menukar SST ke GST yang jauh lebih efisien dan tiada ketirisan, cukai sampai kepada kerajaan, cukai tak dapat dilarikan serta tidak bertindih."

"Secara dasarnya kadar SST lebih tinggi dari GST tapi kutipan yang berjaya dipungut pada 2014 adalah RM18 bilion. Berbanding kutipan GST meningkat kepada RM44.3 bilion walaupun keperluan asas dikecuali-

Sebanyak 165 negara menukar SST ke GST yang jauh lebih efisien dan tiada ketirisan, cukai sampai kepada kerajaan, cukai tak dapat dilarikan serta tidak bertindih."

- Lokman

kan dari cukai," katanya yang turut serta dalam bantahan aman bantah SST di Danau Kota, Wangsa Maju, kelmarin. Beliau turut membidas penafian Guan Eng yang mendakwa tidak pernah mengeluarkan kenyataan SST menurunkan harga barang.

"Beliau (Guan Eng) boleh lihat balik kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini yang mengatakan SST mahu dilaksanakan kerana mampu mengurangkan beban rakyat kerana kutipan GST lebih banyak."

"Kutipan GST lebih ba-

nyak bukan kerana ia dikutip dari rakyat sebaliknya cukai itu tak dikutip dari awal rantai perniagaan (pengilang, pemborong dan peruncit) menyebabkan tiada cukai terhimpun atau berganda dikenakan," katanya.

Katanya, SST kini dilihat membebankan rakyat dan ekonomi semakin merosot sehingga kerajaan dalam cadangan perkenal cukai baharu untuk tingkatkan hasil negara namun ia hanya akan menekan rakyat.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216